

UNIMAS jejak katak di kepulauan Borneo

PUNCAK BORNEO, Jumaat — Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) melalui kepakarannya dalam bidang penyelidikan akan cuba menjejak spesies-spesies katak yang terdapat di kepulauan Borneo.

Pui Yong Min yang baharu sahaja menamatkan pengajian kedoktoran dan memulakan PhD di UNIMAS yang fokus kepada filogeni dan taksonomi Philautus Borneo berkata, penemuan pelbagai jenis spesies katak berjaya ditemui melalui hasil kajian oleh beberapa penyelidik di kawasan hutan Borneo.

Menurutnya, antara kawasan yang akan menjadi tumpuan para penyelidik dari universiti berkenaan untuk menjejak spesies katak ialah di kawasan gua Mulu.

"Kepulauan Borneo kaya dengan pelbagai spesies katak yang jarang ditemui di tempat lain yang mungkin tidak diketahui masyarakat umum. Oleh itu, UNIMAS sebagai sebuah universiti yang berte-raskan penyelidikan memainkan peranan untuk menjalankan kajian mengenai spesies ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat berkenaan dengan jenis-jenis katak di Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC) di sini hari ini.

UNIMAS jejak katak di kepulauan Borneo

Utusan Sarawak Sabtu 10/11/2012 m/s 1 1/2

DARI MUKA 1

Katanya, untuk menjejak spesies-spesies katak ia tidak boleh dibuat dalam masa yang singkat kerana proses penyelidikan itu perlu dilakukan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak.

"Proses membuat penyelidikan ini tidak boleh dibuat secara terburu-buru, ia memerlukan pemerhatian dan kesabaran yang cukup, untuk menjejak spesies amfibia ini ia perlu memakar masa," jelasnya.

Katanya, antara penemuan yang telah dicapai oleh oleh universiti itu dalam kajian spesies katak ialah penemuan spesies katak bersaiz kacang pea yang dikenali sebagai spesies *Microphyla Nepenthicola* yang ditemui di Taman Negara Kubah.

"Banyak lagi spesies-spesi

katak yang boleh kita kaji seperti katak jenis kodok dan sebagai yang menjadikan kepulauan Borneo sebagai habitat utama mereka," katanya. Dalam pada itu, SBC turut menganjurkan persembahan kesedaran awam mengenai Amfibia Borneo, ceramah berkenaan disampaikan oleh ahli kumpulan penyelidikan herpetofauna daripada UNIMAS serta paparan mini.

Pembentangan itu terdiri daripada tiga bahagian, pengenalan amfibia Borneo sebagai bahagian pertama manakala bahagian kedua ceramah tersebut akan menampilkan Taman Negara Gunung Mulu yang dikenali dengan kepelbagaian spesies katak manakala bahagian akhir membabitkan pembentangan halat tuju masa depan pemuliharaan amfibia Borneo.